

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B TUAN SIM TONG HIM**  
**TARIKH : 19.5.2016**  
**SOALAN : NO. 48**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-**

- (a) apakah bantuan kewangan Kerajaan yang disediakan untuk pelajar persendirian di luar negara dan bilangan pelajar persendirian dalam bidang perubatan yang masih belajar di luar negara seperti Mesir, Rusia, India, Indonesia dan lain-lain ; dan
- (b) adakah kewujudan keadaan ini disebabkan pengambilan pelajar dalam bidang perubatan ini sangat terhad di dalam negara.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tidak menyediakan sebarang bantuan kewangan untuk pelajar persendirian di luar negara. Namun demikian, pelajar-pelajar ini boleh memohon dari mana-mana badan tajaan dan pengurusan Persekutuan dan Negeri. Bagi tahun 2015, terdapat seramai 4,694 orang pelajar perubatan secara persendirian di negara Rusia, Indonesia, Mesir dan Jordan.
- (b) KPT melalui Majlis Dekan Perubatan dengan kerjasama Majlis Perubatan Malaysia amat peka terhadap keperluan pengambilan pelajar dalam bidang perubatan di dalam negara. Pada masa ini terdapat 31 buah

Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang menawarkan program dalam bidang perubatan. Bilangan pelajar yang diambil oleh IPT adalah ditetapkan melalui kuota berdasarkan kapasiti IPT berkenaan. Namun begitu, moratorium bagi bidang perubatan sedang berkuatkuasa di mana IPT tidak boleh membuat permohonan bagi penambahan kuota pengambilan pelajar perubatan.

Moratorium terhadap penambahan kuota pengambilan pelajar perubatan adalah untuk memastikan pelajar perubatan dapat menjalani latihan klinikal dalam tempoh pengajian dengan optimum serta bilangan graduan yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan penawaran dan kehendak industri.